

Tamak punya pasal, kena kompaun RM1,000



PENGUATKUASA daerah KPDNHEP cawangan Kola Tinggi membuat pemeriksaan penjualan pelitup muka dan mengeluarkan kompaun kepada peniaga yang menjual pelitup muka pada harga tinggi. FOTO ihsan KPDNHEP

Omar Ahmad
am@hmetro.com.my

SEORANG peniaga di daerah ini dikompaun RM10,000 oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) cawangan Kota Tinggi kerana menjual pelitup muka tiga lapisan pada harga RM2 sekeping.

Ketua Pegawai Penguatkuasa Daerah KPDNHEP Kota Tinggi Rasul Ismail berkata, harga kawalan yang ditetapkan kerajaan ialah RM1.50 sekeping.

"Peniaga dikompaun serta merta, semua pelitup muka berkenaan turut disita.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 11, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (AKHAP 2011)," katanya pada kenyataan hari ini.

Menurut beliau, sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), pihaknya turut mengambil sembilan tindakan terhadap peniaga ingkar.

"Tujuh daripada peniaga terbabit dikompaun RM1,000 seorang manakala dua lagi dalam siasatan," katanya.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/583277/tamak-punya-pasal-kena-kompaun-rm1000>

Artikel ini disiarkan pada : Khamis, 28 Mei 2020 @ 1:59 PM

